

# UMS mahu mahasiswa membudayakan berbasikal dalam kampus

UM 15.10.14 26

LABUAN 14 Okt. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) mahu membudayakan penggunaan basikal di dalam semua kampus milik universiti tersebut termasuk cawangannya di Labuan dan di Sandakan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, beliau sendiri mahu penuntut menggunakan basikal bagi mengurangkan pencemaran asap terutama ketika menghadiri kuliah atau aktiviti di dalam kampus sama ada di kampus pusat di Kota Kinabalu atau cawangan UMS di sini dan Sandakan.

"UMS akan melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan mahasiswa menggunakan basikal di dalam kampus selaras dengan matlamat

program ekokampus," katanya ketika berucap melancarkan Program Kayuhan Merentas Samudera 2014 di sini kelmarin.

Sebanyak 45 mahasiswa dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara menyertai program julung kali itu yang merupakan anjuran Kementerian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan UMS.

Yang turut hadir, Setiausaha Bahagian Sukan, Sektor Pengajian Tinggi kementerian, Hazaly Jali; Pengarah UMS Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Murnizam Halik; Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd. Asyraf Fong Abdullah dan Pengarah Pusat Sukan UUM,

Shaferi Rejab selaku Pengarah Projek program tersebut.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, usaha itu selaras dengan matlamat UMS yang mahu menjadi sebuah universiti ekokampus pertama di negara ini.

Katanya, perkara itu mendorong pihak pentadbiran UMS menganjur dan memantapkan lagi program-program yang boleh menjurus kepada aktiviti mesra alam, termasuk menggalakkan mahasiswa menggunakan basikal sebagai pilihan pengangkutan utama di dalam kampus.

Sementara itu, mengulas berhubung program julung kali itu,

Shaferi berkata, peserta mula berkuatkuasa dari UMSKAL kira-kira pukul 8 pagi ke Taman Burung di Tanjung Kubong, kemudian menuju ke Data-ran Labuan melibatkan laluan sejauh 42 kilometer.

Menurutnya, peserta kemudian menaiki feri dari Terminal Feri Kenderaan di pusat bandar Labuan menuju ke Menumbok yang mengambil masa kira-kira satu jam setengah.

Katanya, kesempatan berada di Menumbok digunakan sebaiknya oleh peserta program mengadakan program gotong royong dengan mengecat gelanggang serbaguna di Kampung Brunei, sekali gus memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat.